

# Kakitangan mesti faham komitmen

B.H. M/S 10 12 3 07

Oleh Jami'ah Shukri

**K**ESUNGGUHAN Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menggesa kerajaan menyamak dan mengkaji tangga gaji kakitangan dalam sektor awam itu, sebelum akan menampakkan hasilnya.

Perjuangan untuk menaikkan gaji kakitangannya itu mendapat maklum balas positif kerajaan, walaupun kata putus belum dicapai. Presiden Cuepacs, Omar Osman, yakin ada kenaikan gaji menjelang 1 Mei ini selepas mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini.

Bagi kakitangan sektor awam itu, harapan mereka terlalu menggunung selepas sekian lama terbelenggu dengan tangga gaji rendah sehingga Cuepacs mendakwa sebanyak 10 peratus daripada 20,000 pekerja sektor awam itu terpaksa melakukan kerja sambil seperti membawa teksi bagi menampung kos hidup di ibu kota yang semakin tinggi dalam pelbagai aspek.

Malah, Cuepacs mendakwa kira-kira

200,000 kakitangan awam masih menerima gaji RM480 sejak awal mula bekerja sehingga sekarang. Contohnya seperti kakitangan awam am rendah (pembantu am, pemandu dan sebagainya). Kadar tangga gaji itu jauh berbeza jika dibandingkan dengan negara lain. Negara jiran, Singapura misalnya memberi gaji lebih RM1,000 sebagai pencuci tandas.

Mereka berpendapat, dalam suasana negara sedang menuju negara maju, sumber tenaga kerja juga perlu mendapat imbuhan setimpal dalam usaha memacu pembangunan negara ke tahap lebih cemerlang. Berdasarkan input pelbagai pihak termasuk pakar ekonomi kenaikan itu wajar dilakukan kerana kenaikan kali terakhir ialah pada 1992 dan jika ada, hanya dibuat lima kali pelarasan gaji. Sejak itu, tiada rombakan semua skim gaji dilakukan.

Omar berkata, jika kenaikan 40 peratus terlalu tinggi, kerajaan boleh pertimbangkan kadar sesuai dengan suasana negara. "Kita faham komitmen kerajaan, bagaimanapun, jangan sampai menghampakan harapan itu demi kepentingan bersama. Setakat ini, kita berpuas hati kebajikan

diberikan kerajaan, tetapi tidak begitu gembira. Kita terima dengan rasa syukur, tetapi masih kurang selesa dengan kadar gaji selaras kenaikan pelbagai barang dan perkhidmatan. Kita mahu elaun perkhidmatan dikaji semula dan dimasukkan dalam skim pencen," katanya.

Sudah tentu kerajaan ada perancangan terhadap kakitangan awam itu kerana pemimpinnya prihatin terhadap kebajikan dan nasib kakitangannya terutama sektor awam yang turut memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Bagaimanapun, kenaikan tangga gaji itu seharusnya diimbangi dengan komitmen jitu dan kesungguhan untuk melaksanakan tanggungjawab lebih berkesan dengan mengamalkan slogan cekap, bersih dan amanah kepada semua kakitangan awam pada pelbagai kategori dan peringkat.

Sekian lama juga imej kakitangan kerajaan ini sering dianggap sebagai kurang cekap, lembap, pemalas, tidak mesra pelanggan (bagi jabatan yang berurusan dengan orang ramai), dan segelintir mengamalkan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, birokrasi. Itulah pandangan

# en kerajaan

masyarakat kepada golongan ini.

Ada kalanya kita sebagai orang awam merasa geram dan boleh hilang sabar ketika berurusan dengan mereka. Contoh paling ketara, panggilan telefon ke pejabat tertentu di sektor awam kerap tidak berjawab. Sesetengahnya apabila disambungkan panggilan itu, disambung pula ke beberapa pihak, akhirnya kita tidak berurusan dengan pegawai yang sepatutnya. Lebih menyukarkan kita apabila pegawai berkenaan cuti semua urusan itu tidak dapat dilakukan.

Jika dilihat daripada laporan Badan Pengaduan Awam (BPA) pada 2005, merekodkan 2,679 aduan berbanding 2,786 aduan tahun sebelumnya. Ia berkaitan aduan terhadap kerajaan Persekutuan seperti ketidakcekapan dalam urusan pentadbiran dan perkhidmatannya.

Walaupun, prestasi BPA mampu mencapai penyelesaian 80 peratus daripada 3,000 aduan diterima setiap tahun, ia tidak membawa banyak perubahan.

Oleh itu, sikap dan imej negatif yang selama ini ditunjukkan kakitangan awam itu perlu kikis sepenuhnya. Mereka perlu menambah baik serta membina budaya kerja cemerlang supaya mampu mencapai pekerja kelas pertama walau serendah mana pun jawatan mereka. Kenaikan gaji itu juga seharusnya mampu meningkatkan semangat dan menggalakkan mereka bertugas lebih berkesan dan produktif.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), N Marimuthu, berkata kenaikan gaji kepada anggota kakitangan awam dianggap sebagai satu suntikan baru kepada pekerja terbabit, khusus berpendapatan rendah untuk bekerja dengan lebih gigih.

Justeru, setiap ketua jabatan juga perlu merangka strategi untuk memastikan pekerja mereka mampu menyumbang masa dan tenaga, sekali gus menghapuskan imej kakitangan awam yang dipandang begitu teruk dalam pelbagai aspek.

Kenaikan itu sedikit sebanyak dapat menggembirakan pekerja dan mereka boleh menarik nafas lega. Cuma diharapkan bukan alasan untuk berbelanja lebih.

Pada masa sama, Marimuthu berkata, insentif lain, kerajaan juga perlu memikirkan perkara lain yang mampu mengurangkan bebanan golongan terbabit seperti memberi kadar faedah pinjaman lebih rendah untuk pembiayaan perumahan, pembelian kereta dan lain-lain. Contohnya, kadar faedah empat peratus bagi pinjaman rumah itu masih dianggap tinggi kepada pekerja yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Jika mereka mempunyai tanggungan yang ramai pasti lebih membebankan.

"Oleh itu, kenaikan gaji kepada mana-mana sektor pun adalah satu perkara biasa. Kenaikan itu mungkin tidak membawa makna dan gagal meningkatkan taraf hidup mereka sekiranya, pada kemudian hari mereka terpaksa membayar kadar tinggi bagi membuat pinjaman dan lain-lain bayaran," katanya.

Yang pasti, jika kerajaan menunaikan tuntutan kenaikan gaji kepada kakitangan awam yang dijangka dapat dilaksanakan Mei ini, ia memberikan perkhabaran gembira selaras dengan sambutan Hari Pekerja, 1 Mei depan.